

PROSES PENILAIAN YANG DILAKSANAKAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN PENEMPATAN MURID BERKEPERLUAN KHAS

DISEDIAKAN OLEH:

NUR AFHIZA BINTI MAT

NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID

DEFINIS PENILAIAN

1. Penilaian adalah proses menggunakan ujian serta pengukuran lain untuk mengukur prestasi dan tingkah laku murid supaya dapat membuat keputusan pendidikan (**VENN, 2000**)
2. Penilaian adalah proses berterusan untuk mengumpul maklumat bagi mengawasi kemajuan murid dan membuat keputusan pendidikan, jika perlu (**OVERTON, 2003**)
3. Penilaian adalah proses mengumpul data untuk tujuan membuat keputusan mengenai murid atau sekolah (**SALVIA, YSSELDYKE & BOLT, 2010**)

PENEMPATAN MURID BERKEPERLUAN KHAS

Memberi penempatan pendidikan yang sesuai kepada murid dengan keperluan khas.

PRINSIP PENEMPATAN:

- Penempatan dibuat berdasarkan prinsip '*least restrictive environment*' iaitu persekitaran yang paling tidak 'menghadkan'.
- Seseorang murid harus ditempatkan belajar bersama-sama murid biasa.

AMALAN PENEMPATAN:

- penempatan akan dibuat berdasarkan tahap keterukkan masalah murid.
- biasanya ibu bapa harus memberi persetujuan bagi penempatan yang dicadangkan.

PENGESANAN

Boleh dilakukan oleh guru secara pemerhatian atau pentadbiran ujian seperti:

- Senarai Semak Pengesanan (SSP) Perkembangan Bayi/Kanak-kanak 0-6 Tahun 2014
- Instrumen Senarai Semak Disleksia (ISD) 2003
- Instrumen Pengesanan Murid Bermasalah Dalam Pembelajaran (IPMBDP) 2010
- Instrumen Penentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPaK)
- Lain-lain Instrument yang dikeluarkan oleh KPM dari semasa ke semasa

- Jika sekolah tidak mempunyai kemahiran untuk pengesanan boleh mendapatkan bantuan daripada guru pendidikan khas sekolah berhampiran, 3PK, KKM, atau KPWKMM.
- PPD/JPN perlu menjadi tempat rujukan ibu bapa/penjaga dan guru berkaitan dengan kanak-kanak mempunyai ciri-ciri berkeperluan khas.
- Semua kes pengesanan yang diterima oleh sekolah/PPD/JPN hendaklah dirujuk kepada pengamal perubatan, pegawai optometri, pegawai audiologi atau pengawai psikologi.

PENGESAHAN

- KPM boleh mewujudkan pasukan yang dianggotai oleh pakar KPM, KKM atau NGO yang berdaftar untuk menjalankan pengesahan.
- Kanak-kanak berkeperluan khas yang telah melalui proses ini hendaklah disahkan oleh pengamal perubatan, pengawai optometri, pegawai auddiologi atau pegawai psikologi.

Sekolah/PPD/JPN

**Penempatan
persekolahan**

MBK boleh
ditempatkan di
SPK atau PPKI
atau PPI

Cadangan pengamal
perubatan atau pakar
perubatan boleh
diambil kira

Jenis-jenis Penempatan

1. Kelas biasa

- Situasi ideal - Murid ditempatkan mengikut darjah/gred sendiri - Bantuan dan pemantauan diberikan oleh guru khas - Akomodasi dan modifikasi yang sesuai diberikan kepada murid

- Amalan

- a) Model Konsultasi

- i. Konsultasi pakar - Guru khas memberi nasihat kepada guru biasa tentang pengurusan dan pengajaran murid khas

- ii. Konsultasi kolaborasi - guru dan pakar-pakar dalam bidang lain bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh murid.

- b) Team/ Cooperative Teaching - Guru khas dan guru biasa berkongsi mengajar kelas yang ada murid khas

- c) Teacher assistance teams - Sekumpulan guru bekerjasama untuk membantu murid yang ditempatkan di kelas biasa

2. Bilik Resos

- Juga dikenali sebagai program 'pull out'
- Pelaksanaan: murid di kelas biasa di tarik keluar dari kelas untuk menerima pengajaran akademik (secara individu atau kumpulan).

Perkhidmatan khas seperti latihan bahasa dan pertuturan, latihan orientasi dan mobiliti atau terapi fizikal.

3. Kelas khas

- Juga dikenali sebagai self-contained class
- Pelaksanaan: murid ditempatkan dalam kelas bersama-sama murid lain yang juga dari kategori yang sama (program integrasi) .

Kadangkala mereka menghabiskan sedikit masa di kelas biasa untuk menerima pengajaran tertentu (inklusif separa)

4. Sekolah Khas

- Semua murid yang belajar di sekolah khas terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan (contoh: masalah penglihatan dan pendengaran)
- Biasanya murid terdiri daripada mereka yang mengalami kecacatan yang teruk
- Perlaksanaan:
 - *sekolah harian
 - murid belajar di sekolah khas
 - murid balik selepas waktu persekolahan
 - *sekolah berasrama
 - murid belajar di sekolah khas selepas waktu persekolahan murid balik ke asrama

5. Pengajaran berdasarkan rumah/hospital

- guru pendidikan khas pergi ke rumah murid atau ke hospital untuk mengajar murid
- Biasanya perkhidmatan sedemikian adalah buat sementara sehingga murid sedia pulang ke sekolah

6. Pemulihan dalam Komuniti

- Perkhidmatan pendidikan disediakan di kawasan tempat tinggal murid.

TEMPOH PERCUBAAN

- Tempoh percubaan tidak melebihi 3 bulan
- Guru perlu menilai dan menyediakan laporan tempoh percubaan dan mendapatkan perakuan daripada ibu bapa/penjaga berdasarkan pemerhatian atau instrument yang berkaitan
- Pengesahan penempatan dibuat oleh:
 - a) Pengetua atau guru besar atau penolong kanan pendidikan khas
 - b) pegawai JPN atau PPD
 - c) Pegawai JKM atau JPOKU

PRASEKOLAH

- * Kanak-kanak berkeperluan khas berumur antara 4 hingga 5 tahun hendaklah diberi peluang untuk mengikuti pendidikan.
- *Kemasukan ke prasekolah adalah di bawah pengurusan pihak JPN atau PPD mengikt syarat dan peraturan yang ditetapkan

PERINGKAT RENDAH

- Semua murid layak mengikut pendidikan peringkat rendah.
- Pendaftaran ke Tahun 1 adalah di bawah pengurusan pihak JPN atau PPD mengikut syarat yang ditetapkan.
- BPKhas bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelaraskan kemasukan murid Tahun 1 di SKPK

PERINGKAT MENENGAH

- Semua murid layak pendidikan di peringkat menengah. BPKhas bertanggungjawab dalam menguruskan permohonan murid untuk mengikuti pendidikan di SMPK/SMPKV.
- Kemasukan murid di PPKI adalah di bawah pengurusan pihak JPN/PPD mengikut syarat yang ditetapkan.

PERINGKAT LEPAS MENENGAH

- MBK yang berkecualan mempunyai hak untuk meneruskan pembelajaran di peringkat seterusnya.
- KPM menyediakan pendidikan seperti tingkatan enam, matrikulasi atau lain-lain bentuk pendidikan.
- Sektor pengajian tinggi (SPT), kpm menyediakan peluang MBK di institusi pengajian tinggi seperti Politeknik dan Kolej komuniti.
- Penempatan murid ke Tingkatan enam di bawah bidang BPKhas manakala penempatan murid ke Tingkatan enam di PPKI dan PPI di bawah bidang kuasa JPN/PPD.